



Apa Pendapat Biskita?

Vandalisme, punca dan penyelesaian

VANDALISME adalah satu perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian. Vandalisme juga dikenali sebagai pugut atau pemugut atau laku musnah. Berdasarkan pengertian ini vandalisme boleh diringkaskan sebagai perbuatan membuat perubahan di sebarang tempat seperti dinding untuk melukis, menandai, menyembur cat, menampal, merosak dan mengotorkan harta benda awam tanpa kebenaran bahkan boleh menyebabkan kerugian pihak berkuasa awam.

Kebiasaannya vandalisme ini sering dikaitkan kepada perbuatan yang dilakukan oleh anak-anak muda remaja dan perkara ini bukanlah sesuatu yang baru, bahkan ianya telah terjadi sekian waktu lamanya cuma tiada tindakan yang begitu serius diambil berat terhadap perkara ini. Apa penyebab kepada terlibatnya remaja-remaja ini dalam gejala yang tidak menguntungkan tersebut, dan apa pula tujuan dan sebab serta apa yang mendorong gejala ini, seharusnya pihak yang sewajarnya mengambil peranan mencegah gejala ini, kesan dan kaedah menangani vandalisme. Di mana-mana negara masalah vandalisme ini turut mengalaminya dan terbukti di mana remaja merupakan golongan yang tertinggi sebagai golongan yang terlibat dalam kegiatan vandalisme ini. Apa Pendapat Biskita kali ini dirasakan amat tepat untuk memfokuskan masalah vandalisme sebagai masalah yang boleh diberi perhatian penting kepada golongan remaja.

"Antara sebab kepada terdorongnya para remaja menjadi seorang yang lebih sinonim di sini dikatakan si pemugut, antara sebabnya adalah pergaulan yang tidak sihat, budaya melepak antaranya yang langsung tidak mendatangkan keuntungan menjadi pencetus idea bagi mengisi masa melepak dengan kegiatan vandalisme. Perbuatan seperti ini amat merugikan kita semua, bayangkan jika perbuatan perosak harta benda awam atau harta benda kerajaan ini sewenang-wenangnya dihancurkan dan dirosakkan seperti tandas misalnya, bukankah ini merugikan orang ramai yang ingin menggunakannya. Bagi saya pendidikan awal harus diberikan kepada para remaja kita sedari di bangku sekolah, tak kira sekolah rendah, menengah atau pendidikan tinggi, pendedahan tentang vandalisme adalah satu perbuatan yang tidak elok dipandang mata, oleh itu pendidikan agama terutamanya, harus disuntik dalam diri remaja kerana penyelesaian masalah dari perspektif Islam merupakan asas yang menjadi pemangkin untuk mencegah gejala vandalisme dalam kalangan remaja sebelum menggunakan kaedah lain dalam menyelesaikan gejala vandalisme ini." - **Hana Lambak.**

"Vandalism/vandalisme, kebanyakan yang terlibat dalam perbuatan tidak bermoral ini adalah kalangan remaja, dan pendapat saya ciri orang yang melakukan vandalisme ialah ciri remaja yang mempunyai minda yang rendah dan remaja yang mementingkan diri sendiri, namun ada juga kalangan mereka ini terikut-ikut rentak kawan-kawan yang sememangnya sudah terbiasa dengan perbuatan perosak ini, dan juga mereka yang terdiri dari latar belakang keluarga yang retak atau bermasalah. Sebab dan tujuan vandalisme juga disebabkan oleh sikap buruk remaja seperti sifat seronok untuk merosakkan serta melepaskan geram. Jika perbuatan sedemikian tidak dibendung atau diambil berat, vandalisme ini juga boleh mengundang kepada bencana, menimbulkan persepsi buruk, kesan kerosakan kepada alam sekitar dan mendorong kepada jenayah remaja yang lebih berat. Untuk mengelak perkara sebegini daripada berleluasa, seharusnya pihak tertentu mengadakan satu program kesedaran ke sekolah-sekolah atau pengajian-pengajian tinggi, semata-mata untuk menyedarkan para remaja bahkan belia kita untuk tidak melibatkan diri sebagai si perosak dan sekali gus mendedahkan mereka kesan daripada perbuatan si perosak ke atas harta benda yang dirosakkan. Juga bertanggungjawab di dalam mendidik anak-anak agar tidak menjadi seorang perosak atau pemusnah ialah ibu bapa, di mana para ibu bapa haruslah memberi penekanan kepada anak masing-masing supaya tidak terlibat dalam kegiatan vandalisme dan sekali gus juga menyeru para ibu bapa, ketua masyarakat, guru-guru dan pendidik dalam memupuk sikap cintakan harta awam di kalangan para pelajar dan juga anak-anak agar mereka tidak terlibat dengan aktiviti vandalisme." - **Cikgu Arfan Arshad.**

"Vandalisme, perbuatan ini sebenarnya sudah lama berlaku terutamanya kalangan remaja, untuk membendungnya mungkin sedikit rumit, namun ianya masih boleh untuk kita tangani di mana ianya perlu bermula dengan adanya pendidikan dalam keluarga, pendidikan masyarakat, tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan pendidikan melalui undang-undang negara. Kaedah terpenting dalam membendung kegiatan vandalisme adalah melalui pendidikan sama ada dalam keluarga atau sekolah. Selain keluarga dan sekolah melalui pendidikan, ahli masyarakat juga perlu menangani kegiatan vandalisme ini dengan sikap tegur-menegur, nasihat-menasihati dan bekerjasama dalam kalangan ahli masyarakat untuk membanteras kegiatan tersebut serta membuat aduan kepada pihak berkuasa terhadap kegiatan vandalisme yang dilakukan oleh para remaja." - **Pg Isa Rahman.**

Pada pandangan saya selaku penulis Apa Pendapat Biskita kali ini tentang masalah vandalisme, pada sisi Islam, perbuatan vandalisme dianggap perbuatan yang berdosa kerana tiga perkara, iaitu kerana harta awam merupakan harta orang ramai, penekanan Islam agar setiap perlakuan mesti mempunyai tujuan yang bermakna dan matlamat yang benar dalam Islam masih tidak membenarkan cara yang haram untuk mendapatkannya, bahkan sebagai seorang remaja baik Muslim atau tidak, hidup dengan mempunyai tujuan itu adalah kewajipan, justeru seseorang remaja tidak boleh hidup dalam keadaan tidak mempunyai maksud atau tujuan dan seperti halnya dalam vandalisme, di mana dengan bersikap sebagai seorang perosak tersebut ianya mengakibatkan pihak awam dan swasta mengalami kerugian, kerana terpaksa mengeluarkan kos untuk membaiki dan menggantikan peralatan yang rosak. Perbuatan vandalisme tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, oleh itu ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk membendung gejala ini dengan bersikap lebih prihatin dan mengambil berat tentang anak dengan mendidik anak-anak mengamalkan amalan murni sejak kecil lagi memberi teguran terhadap anak-anak yang melakukan perbuatan yang berbau vandalisme supaya mereka tidak terus bersalah.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- Kualiti produk tempatan / produk luar negara
- Sifat Menabung kewangan dan emas

UNISSA terima buku-buku wakaf



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga, kiri) menerima sumbangan buku-buku daripada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey (tiga, kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sekali lagi menerima sumbangan buku daripada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey.

Sejumlah 66 buah buku disumbangkan dan disampaikan sendiri oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan yang diterima oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Buku-buku tersebut meliputi pelbagai topik seperti kajian Islam,

hubungan antarabangsa Pakistan, kebudayaan, politik, ekonomi, sejarah, tokoh-tokoh terkenal serta beberapa buku akademik.

Sehubungan itu, Rektor UNISSA mengucapkan penghargaan kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi atas sumbangan tersebut yang dapat membantu Perpustakaan UNISSA dalam menambah lagi bahan bacaan dan koleksi sebagai rujukan kepada orang ramai khususnya para mahasiswa - mahasiswi UNISSA.

Setakat ini, UNISSA telah menerima sumbangan buku daripada Suruhanjaya Tinggi

Republik Islam Pakistan lebih daripada 200 buah buku sejak tahun 2016.

Terdahulu sebelum itu, perjumpaan telah diadakan di Pejabat Rektor UNISSA dalam rangka mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara UNISSA dan Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan.

Di samping itu, membincangkan program-program ilmiah yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam mengukuhkan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan.

Majlis dihadiri sama oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Penolong Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad.

MINDA PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Sehari-hari'. Tarikh Tutup : 6 Februari 2019
- 'Ancaman Jenayah Siber Menggugat Keamanan'. Tarikh Tutup : 13 Februari 2019
- 'Rakyat Perlu Memiliki Nilai Patriotisme'. Tarikh Tutup : 20 Februari 2019

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas,
 Bandar Seri Begawan, BB3510,
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
Setiap Minggu